

PENERAPAN NILAI DALAM PENGAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN

Hezrina Johan Manikam
Norazian Mohamed Yahya

Sekolah Menengah CHIJ Katong

Abstrak

Pelajar bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda sering mengeluh kerana rasa terpisah dan terasing daripada bahasa dan budaya Melayu. Keadaan ini menjadi ketara lebih-lebih lagi jika bilangan pelajar itu ramai. Kertas kerja ini akan membentangkan dapatan program penerapan nilai dalam pengajaran berdasarkan pengalaman. Program ini berfokus pada Kembara Pembelajaran (*learning journey*) yang dirancang khas untuk merapatkan jurang pemahaman budaya yang wujud dalam kalangan pelajar Menengah 1. Pendidikan Berteraskan Nilai (*Values Driven Education*) menjadi dasar program ini. Dalam program ini, para pelajar telah melawat sebuah masjid pada bulan Ramadan untuk mengalami suasana waktu pengagihan bubur dan berbuka puasa. Bagi menghidupkan suasana pembelajaran, para pelajar telah menggunakan *iPad* dan aplikasi *Popplet*. Penerapan Nilai dalam Pengajaran Berdasarkan Pengalaman ini meningkatkan rasa ingin tahu para pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dan lebih memahami serta menghargai nilai-nilai murni dalam budaya Melayu.

Pengenalan

Mengakrabkan para pelajar bukan penutur jati kepada keindahan dan kehalusan budaya dan bahasa Melayu merupakan satu cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Keindahan dan kehalusan budaya dan bahasa Melayu ini menerapkan nilai-nilai murni yang boleh mempengaruhi pembangunan dan pembentukan para pelajar dalam jangka yang panjang. Selain itu, sesuatu bahasa itu juga tidak boleh dipelajari atau diajar kepada para pelajar secara berasingan tanpa mendedahkan mereka kepada budaya dan nilai sesuatu bahasa tersebut. Namun, disebabkan keterbatasan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa inilah yang telah menghambat minat dan keyakinan para pelajar untuk mempelajari, berinteraksi dan berbincang tentang budaya Melayu.

Kajian ini akan membentangkan program Kembara Pembelajaran dalam merapatkan jurang kebudayaan yang wujud dalam kalangan para pelajar. Secara tidak langsung, kajian ini berusaha untuk menghidupkan suasana pembelajaran dan pengajaran budaya dan bahasa Melayu secara autentik di samping menerapkan penggunaan wahana ICT seperti *iPAD* dan aplikasi *Popplet*, serta menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Popplet

Popplet merupakan sebuah aplikasi yang boleh diperoleh di *Apple App Store* bagi kegunaan produk *iPAD* untuk menghasilkan peta minda. Perisian ini membolehkan pengguna memuatkan gambar dan memberikan penjelasan kepada setiap gambar yang digunakan. Tiada had jumlah gambar dan sari kata yang dikenakan bagi setiap fail yang dibina dalam aplikasi ini.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meninjau keberkesanan pengajaran yang menerapkan nilai hormat-menghormati dan toleransi agama dan budaya dalam kalangan pelajar;
2. meninjau keberkesanan lawatan pembelajaran dalam dalam usaha merapatkan jurang pemahaman budaya, meningkatkan minat, penerimaan dan prestasi para pelajar dalam bahasa Melayu; dan
3. menilai keberkesanan penggunaan aplikasi *Popplet* dan *iPAD* dalam pengajaran dan pembelajaran.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan sesi temu bual guru bersama para pelajar sebelum lawatan pembelajaran ke masjid diadakan, ramai pelajar Melayu mahupun bukan Melayu, menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengunjungi mana-mana masjid di Singapura. Pemahaman mereka terhadap bulan puasa dan nilai-nilai murni yang dapat dipelajari juga bersifat permukaan sahaja. Mereka telah menyuarakan keinginan mereka terutama sekali mengalami suasana kemeriahinan masjid pada masa bulan Ramadhan agar dapat mempelajari dengan lebih mendalam akan nilai-nilai murni budaya Melayu.

Keupayaan untuk bertutur dalam bahasa Melayu juga amat mencabar bagi sebilangan besar pelajar di sekolah Menengah CHIJ Katong Convent. Ini seringkali berlaku terutamanya jika pelajar tidak pernah melalui atau mengalami sesuatu konteks yang diberikan. Kurangnya pengalaman, keterbatasan penguasaan kosa kata dan kelemahan dari aspek tatabahasa telah menghambat para pelajar untuk menyuarakan pandangan dan perasaan mereka. Oleh itu, kelemahan pelajar

bertutur dengan yakin dan spontan akan menjejas prestasi mereka secara keseluruhan dalam komponen lisan.

Kajian Lepas

Menurut Kramsch (disebut dalam Hinkel Eli (ed.), 1999), sesuatu bahasa itu tidak boleh dipelajari tanpa memahami konteks budaya di mana bahasa itu digunakan. Bagi Kramsch, kesedaran tentang budaya akan memungkinkan dan membantu pembelajaran dan penguasaan seseorang tentang bahasa yang dipelajari. Kemudian, satu-satu program bahasa itu akan mengandungi dan melibatkan pelbagai cara yang bertindak untuk membentuk nilai dan kepercayaan para pelajar. Oleh itu, para guru wajar menyisipkan perihal kebudayaan Melayu demi memungkinkan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang berkesan.

Kemahiran sedia ada para pelajar dalam teknologi maklumat dan alam siber wajar dijadikan batu loncatan yang penting untuk memastikan perjalanan pendidikan yang lancar dan bermakna. Davidson dan Goldberg (2009) menyamataraftkan kebolehan ini dengan kemahiran literasi asas yang diperlukan oleh setiap pelajar yang menjalani alam persekolahan pascamilenium. Maka, hal ini menjadi satu kayu ukur yang penting bagi para guru untuk memastikan bahawa para pelajar bukan hanya mempelajari isi kandungan sesebuah subjek, malah ia juga perlu dilakukan dalam wahana yang boleh menambah nilai kepada proses pembelajaran pelajar-pelajar.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar menengah satu tahun 2011. Mereka terdiri daripada pelajar kursus Bahasa Melayu Lanjutan, Bahasa Melayu Ekspres, Bahasa Melayu

Normal (Akademik) dan Bahasa Melayu Normal (Teknikal). Seramai 3 pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Lanjutan, 11 orang pelajar Bahasa Melayu Ekspres, 12 orang pelajar Bahasa Melayu Normal (Akademik) dan 14 orang pelajar Bahasa Melayu Normal (Teknikal) yang terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah 40 pelajar, sebanyak 25% iaitu 10 orang pelajar terdiri daripada pelajar yang bukan Melayu. Para pelajar mengikuti kelas sebanyak antara dua hingga tiga kali seminggu (satu jam setiap sesi).

Ramai pelajar mempunyai kemampuan kosa kata yang terbatas dan pemahaman mereka terhadap nilai-nilai murni budaya Melayu kurang mendalam. Oleh itu, aktiviti kemahiran bertutur dalam sesi rakaman video merupakan sesuatu yang dianggap mencabar oleh kebanyakan pelajar. Keupayaan untuk memaparkan cara dan tingkah laku yang sesuai ketika mengikuti lawatan pembelajaran turut menjadi keprihatinan pelajar.

Instrumen Kajian

Pemantauan dan pemerhatian guru terhadap sikap, penerimaan dan prestasi para pelajar penting dalam kajian ini. Untuk menilai keberkesanan lawatan pembelajaran ini, guru menilai hasil kerja pelajar melalui aplikasi *Popplet* yang digunakan dan rakaman video pengalaman para pelajar semasa lawatan pembelajaran ke sebuah masjid. Penulisan log renungan turut disertakan sebagai bukti peningkatan bagi penguasaan kosa kata para pelajar.

Prosedur Kajian

Para pengkaji membuat persiapan yang lengkap, dari hal ehwal pentadbiran, komunikasi bersama pihak masjid, sekolah dan ibu bapa, serta mempersiapkan pakej lawatan pembelajaran ini. Guru juga memastikan taklimat yang

menyeluruh telah dijalankan agar para pelajar bertanggungjawab dalam menjaga peralatan milik sekolah.

Setibanya di masjid, para pelajar diarahkan untuk bekerja secara berpasangan. Mereka dibawa oleh pihak masjid ke sebuah bilik bagi sesi taklimat. Di dalam bilik tersebut, pelajar dikehendaki mendengar pengenalan ringkas mengenai Masjid Kampung Siglap dan bulan Ramadan oleh seorang ustaz. Kemudian, setiap pelajar akan diberikan sekeping kertas yang mengandungi arahan akan aktiviti yang perlu mereka lakukan.

Arahannya adalah seperti berikut:

1. Rakamkan gambar aktiviti-aktiviti yang kamu lakukan sepanjang hari di Masjid Kampung Siglap, dengan menggunakan *iPAD*. Kamu boleh menggunakan saranansaran berikut ketika memetik gambar.
 - a. setibanya di Masjid Kampung Siglap
 - b. semasa membantu menceduk bubur atau mengikat plastik yang mengandungi bubur
 - c. semasa mendengar penerangan daripada seorang pegawai masjid
 - d. ketika menjalankan aktiviti yang diberi guru
 - e. ketika mengedarkan bubur kepada orang ramai

Dengan menggunakan gambar-gambar yang telah dipetik, kamu dikehendaki menghasilkan sebuah kolaj (*collage*) atau papan cerita (*Storyboard*). Gunakan aplikasi *Popplet* di *iPAD* kamu. Setiap gambar yang dipilih, perlu disertakan keterangan mengenai gambar tersebut.

2. Rakamkan sebuah perbualan ringkas antara kamu dan rakan kamu mengenai pengalaman kamu melakukan lawatan belajar sambil beramal di Masjid Kampung Siglap. Panjang video kamu tidak boleh melebihi 2 minit. Kamu

digalakkan untuk menggunakan latar daerah Masjid Kampung Siglap di dalam video kamu.

Kamu juga digalakkan untuk menggunakan soalan-soalan berikut bagi membantu kamu dalam menghasilkan klip video kamu itu.

- a. Nyatakan nama dan kelas kamu
- b. Apakah perasaan kamu apabila membuat lawatan belajar sambil beramal di Masjid Kampung Siglap?
- c. Apakah yang dapat kamu pelajari melalui lawatan ini?
- d. Jika diberi peluang, adakah kamu ingin melakukan aktiviti sebegini sekali lagi di Masjid Kampung Siglap? Mengapa?

Selepas itu, para pelajar dikehendaki berkumpul di tempat berdekatan dengan tempat memasak bubur. Di situ, mereka diberikan taklimat dan tunjuk ajar oleh seorang sukarelawan masjid tentang sistem mengagihkan bubur serta proses meletakkan bubur. Kemudian, para pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan yang akan menceduk bubur, kumpulan mengikat plastik dan kumpulan yang akan menyusun bubur di dalam baldi dan mengagihkan kepada orang ramai. Ketika mengalami proses meletakkan bubur, pasangan juga akan memetik gambar-gambar yang diperlukan secara bergilir-gilir.

Setelah sesi pengagihan bubur selesai, pelajar dikehendaki menghasilkan kerja mereka menggunakan aplikasi *Popplet* serta merakamkan pengalaman mereka secara audio-visual.

Sebagai kesimpulan, para pelajar dikehendaki menulis log renungan bagi menyingkap semula perasaan dan pemikiran mereka tentang pengalaman di masjid tersebut. Ini juga disusuli dengan latihan kefahaman lisan berdasarkan gambar-

gambar yang mereka hasilkan menggunakan aplikasi *Popplet* di dalam kelas.

Dapatan Kajian

Berdasarkan pemerhatian guru, pelajar menunjukkan sikap dan nilai-nilai yang positif semasa berada di perkarangan masjid walaupun pada awalnya ada yang kelihatan kekok, takut dan kurang pasti akan kelakuan yang perlu mereka tonjolkan.

Berikut adalah salah satu log renungan yang dihasilkan oleh pelajar bukan Melayu semasa menjalani program:

Saya berasa sangat ghairah tetapi takut kerana tidak pernah ke masjid. Saya tidak tahu bagaimana untuk beraksi [berkelakuan] apabila di sana. Saya cuma berdiam diri dan tidak berani untuk mencuba melakukan apa-apa.

Namun, perasaan takut dan canggung ini tidak mengekang pelajar untuk mempelajari sesuatu berkaitan dengan budaya Melayu. Pelajar yang sama ini telah menyatakan bahawa:

Di sana, saya pelajari bahawa lelaki dan wanita Melayu berdoa [bersembahyang] di kawasan masjid yang berlainan. Saya juga mendapat tahu bahawa sebelum masuk ke dewan solat, saya perlu menanggalkan kasut saya. Saya patut menghormati agama dan budaya Melayu walaupun saya tidak amalkannya [mempraktikkannya].

Penggunaan wahana ICT seperti *iPAD* dan aplikasi *Popplet* juga telah membantu menyemarakkan suasana pembelajaran. Berdasarkan pemantauan guru, pelajar sangat gembira memetik dan menyusun gambar-gambar secara kreatif,

disertakan juga dengan penggunaan kosa kata yang sesuai untuk menceritakan setiap gambar itu. Ini telah membantu meningkatkan penguasaan kosa kata para pelajar yang berkaitan dengan pengalaman semasa waktu pengagihan bubur. Ini dapat dilihat melalui rakaman video pengalaman pelajar yang menyatakan:

Di situ kami diajar pelbagai perkara. Antaranya ialah, kami mempelajari cara-cara menceduk bubur, mengikat plastik yang mengandungi bubur yang telah diceduk tadi dan sebagainya.

Salah seorang pelajar bukan Melayu pula cuba menggunakan kosa kata yang telah dipelajari apabila merakamkan video pengalamannya.

Kami diajar untuk membungkus bubur dan selepas itu kami beri, eh bukan, mengagihkan bungkusan-bungkusan itu kepada setiap orang yang kami lihat.

Justeru, penggunaan wahana ICT seperti *iPAD* dan aplikasi *Popplet* ini menggalakkan pelajar mengambil inisiatif untuk menghasilkan peta minda yang merakam atur cara perjalanan pembelajaran mereka sepanjang sesi pada hari itu. Kemudian, mereka boleh menggunakan hasil kerja *Popplet* untuk merakamkan video pengalaman mereka semasa berada di sana. Ini telah memberikan keyakinan kepada para pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu di luar konteks bilik darjah.

Berdasarkan pengalaman para pelajar melalui proses pengagihan bubur, ramai pelajar juga mampu menunjukkan sikap positif terhadap budaya Melayu serta mengenal pasti dan menghargai nilai-nilai sejagat seperti tanggungjawab, bertoleransi dan hormat-menghormati antara budaya. Ini terbukti di dalam penulisan log renungan beberapa pelajar. Ada

beberapa pelajar yang telah menyatakan pengajaran yang mereka raih daripada lawatan pembelajaran ini. Mereka memberikan contoh:

Kita mempelajari banyak perkara ketika berada di sana antaranya ialah semangat bekerjasama dan bertolak-ansur. Pengagihan bubur ini tidak boleh berjaya jika setiap pelajar tidak melakukan tugas mereka dengan betul.

Para pelajar turut mengutarakan pengalaman mereka menyertai lawatan pembelajaran ini.

- (1) *Pengalaman yang saya peroleh sangat berharga bagi saya. Saya berasa seronok dan harap Unit Bahasa Melayu akan menganjurkan lawatan sebegini lagi.*
- (2) *Saya amat hargai lawatan ke Masjid Kampung Siglap. Saya harap bahawa saya akan melakukan aktiviti sebegini sekali lagi pada bulan Ramadan tahun hadapan. Saya juga berterima kasih kepada guru-guru bahasa Melayu saya, yang telah bersusah-payah bekerja keras untuk menjayakan aktiviti ini.*

Oleh itu, ini menunjukkan minat dan penerimaan mereka terhadap aktiviti-aktiviti budaya Melayu. Sikap kesungguhan para pelajar ini juga telah menimbulkan semangat para guru untuk menghasilkan pakej lawatan pembelajaran yang menarik, autentik dan bermakna kepada mereka.

Kesimpulan

Dengan melakukan program lawatan pembelajaran, para pelajar dapat melalui pengalaman dan pembelajaran yang berbeza, bukan hanya terhad pada medium pena dan kertas.

Ini memberikan pengalaman yang autentik bagi pelajar yang mungkin pertama kali melawati masjid di Singapura. Para pelajar juga telah mempelajari tentang budaya dan bahasa Melayu, serta nilai-nilai positif secara tidak langsung.

Namun, antara cabaran yang dihadapi oleh pengkaji adalah ketika berhadapan dengan para pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang dan juga memegang sistem nilai yang berbeza-beza. Di sini, para guru perlu peka akan kepercayaan orang lain, memahami keterbatasan pelibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti tertentu tetapi masih dapat menjalankan sesi lawatan tersebut lantas memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, pasukan pengkaji juga ingin menyemak semula persembahan para pelajar ketika membentangkan sesi temu bual mereka dalam bentuk video. Para guru menginginkan piawai pembentangan yang lebih tegas agar para pelajar dapat memelihara ketekalan penggunaan laras dan mutu bahasa yang baik serta ketertiban yang diperlukan dalam sesebuah wawancara.

Akhirnya, pasukan pengkaji berpendapat bahawa potensi aplikasi *Popplet* kurang dimanfaatkan oleh para pelajar kerana mereka tidak diberikan ruang dan peluang yang lebih lama untuk menguji cubanya. Maka, dengan pendedahan dan latihan yang lebih lama kepada aplikasi tersebut, guru yakin bahawa usaha tersebut akan membawa hasil kerja yang lebih bermutu daripada para pelajar. Dengan pemberian yang diusahakan kepada program lawatan sambil belajar ini, pasukan pengkaji ingin meluaskan skop lawatan yang dilakukan kepada tempat-tempat kebudayaan yang lain seperti kuil, gereja, mercu tanda penting dan lain-lain lagi di Singapura. Ini diharap dapat bukan hanya mendedahkan para pelajar kepada kekayaan budaya yang berbeza di negara ini, tetapi juga untuk mengukuhkan lagi rasa cinta para pelajar terhadap negara selaku rakyat di tanah air mereka.

Rujukan

Eli, H. (ed.) (1999). *Culture in Research and Second Language Pedagogy*. Cambridge. Cambridge University Press.

Davidson, C dan Goldberg, D (2009). The Future of Learning Institutions in a Digital Age: The John D. And Catherine T. MacArthur *Foundation Reports on Digital Media and Learning*. Massachussets: MIT Press.

Heng, S K (2011). Opening address by Minister of Education at the Ministry of Education (MOE) Workplan Seminar, pada hari Khamis, 22 September 2011 jam 10.00 pagi di Politeknik Ngee Ann Convention Centre.